



GARIS PANDUAN

PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO

JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM)

KANDUNGAN

1. PENGENALAN	3
2. TUJUAN.....	3
3. OBJEKTIF.....	3
4. PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO JLM	4
5. TATACARA PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO JLM.....	4
6. SYARAT-SYARAT / KRITERIA PERMOHONAN.....	5
7. PEMATUHAN PENGANJUR TERHADAP PENGGUNAAN LOGO JLM.....	6
8. PANDUAN PENGGUNAAN LOGO JLM.....	7
9. PENUTUP.....	7

GARIS PANDUAN
PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO
JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM)

1. PENGENALAN

- 1.1 Garis Panduan Permohonan Penggunaan Logo Jabatan Laut Malaysia (JLM) ini dirangka dan diwujudkan merangkumi prosedur dan syarat-syarat permohonan, borang permohonan rasmi, senarai semak permohonan, pematuhan terhadap penggunaan logo, serta panduan tatacara penggunaan logo JLM yang tepat.

2. TUJUAN

- 2.1 Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan prosedur dan ketetapan kepada individu, Badan Bukan Kerajaan (NGO), syarikat swasta dan agensi-agensi kerajaan untuk kelulusan penggunaan logo JLM bagi sebarang penganjuran program serta kegunaan-kegunaan lain di Malaysia dan peringkat antarabangsa;
- 2.2 Mewujudkan mekanisma yang sistematik bagi memproses dan memberikan kelulusan permohonan penggunaan logo JLM;
- 2.3 Menggariskan peranan dan tanggungjawab semua pihak yang terlibat dalam proses penggunaan logo JLM.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Memastikan penggunaan logo JLM digunakan untuk penganjuran program serta perkara-perkara lain yang mendapat pengiktirafan, diyakini dan memberi impak positif kepada masyarakat;
- 3.2 Memelihara nama baik, imej, kredibiliti dan reputasi JLM melalui penggunaan logo secara wajar dan bersesuaian;
- 3.3 Mewujudkan sistem kawalan yang berkesan ke atas penggunaan logo JLM agar dapat mencegah daripada penyalahgunaan yang tidak wajar;
- 3.4 Melindungi logo JLM daripada dieksploitasi dan penipuan.

4. PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO JLM

- 4.1 Permohonan penggunaan logo JLM yang lengkap hendaklah dimajukan kepada Ketua Pengarah Laut (KPL) JLM bersama dokumen sokongan yang berkaitan dan hendaklah dihantar melalui Unit Korporat Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia untuk mendapatkan kelulusan dan kebenaran secara bertulis daripada KPL JLM;
- 4.2 Permohonan hendaklah dikemukakan beserta dokumen sokongan berdasarkan senarai semak permohonan penggunaan logo JLM (Lampiran C) dan surat sokongan bertulis daripada Pengarah Bahagian / Pengarah Wilayah tersebut terlebih dahulu (sekiranya ada) dan dimajukan kepada Unit Korporat Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia.

5. TATACARA PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO JLM

- 5.1 Memuat turun dokumen Garis Panduan Permohonan Penggunaan Logo Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan borang permohonan rasmi melalui laman sesawang www.marine.gov.my;
- 5.2 Membuat permohonan dengan mengemukakan borang permohonan yang telah lengkap diisi serta mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan yang lain (Rujuk senarai semak - Lampiran C) kepada Unit Korporat (UK) Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia;
- 5.3 Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya **30 hari** sebelum tarikh penggunaan logo;
- 5.4 Unit Korporat akan membuat semakan dan penelitian borang permohonan serta dokumen-dokumen berkaitan yang dikemukakan;
- 5.5 Borang yang tidak lengkap diisi atau tanpa dokumen sokongan akan dikembalikan semula kepada pemohon dalam tempoh **7 hari** selepas tarikh permohonan diterima;
- 5.6 Keputusan permohonan akan dimaklumkan secara bertulis atau melalui e-mel dalam tempoh **14 hari bekerja** selepas tarikh permohonan lengkap dihantar;
- 5.7 Unit Korporat (mengikut keperluan) akan membuat pemantauan terhadap penggunaan logo yang telah diluluskan.

6. SYARAT-SYARAT / KRITERIA PERMOHONAN

- 6.1 Pemohon adalah sebuah Kementerian / Jabatan / Agensi kerajaan yang diiktiraf;
- 6.2 Pemohon adalah daripada kalangan mana-mana organisasi yang berdaftar sama ada di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) atau mana-mana Pendaftar Pertubuhan yang diberi kuasa melalui suatu kuatkuasa di bawah undang-undang Malaysia yang sah;
- 6.3 Pemohon yang terdiri daripada individu / orang perseorangan juga adalah layak untuk memohon dengan syarat hendaklah berkaitan pembangunan sektor logistik dan pengangkutan negara sahaja;
- 6.4 Program yang dianjurkan hendaklah mendapat kelulusan dan permit penganjuran dan mendapat pengiktirafan atau kelulusan daripada pihak berkuasa seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia dan agensi yang berkaitan;
- 6.5 Pemohon hendaklah mempunyai keupayaan membiayai kos keseluruhan pelaksanaan program melalui sumber kewangan tersendiri atau melalui penaja;
- 6.6 Penggunaan logo bagi tujuan untuk mendapatkan sumber pembiayaan, komersial, berniat untuk membuat keuntungan dan didagangkan adalah dilarang sama sekali;
- 6.7 Bagi penggunaan logo yang melibatkan program / acara / pertandingan atau apa-apa yang berkaitan, tarikh dan lokasi pelaksanaan mestilah telah dimuktamadkan terlebih dahulu. Namun sekiranya berlaku hal-hal kecemasan, perubahan hendaklah dimaklumkan kepada Unit Korporat (UK) JLM selewat-lewatnya **3 hari** sebelum majlis berlangsung untuk tujuan rekod;
- 6.8 Program dan inisiatif mestilah tidak melibatkan peserta daripada mana-mana negara yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia serta elemen-elemen yang bertentangan dengan dasar luar dan dalam negara ini. Sekiranya ada, pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kebenaran bertulis dari pihak-pihak berkaitan terutama daripada Kementerian Luar Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan agensi-agensi lain yang berkaitan;
- 6.9 Program anjuran JLM atau wilayah dan bahagian di bawah JLM serta anjuran bersama adalah tidak tertakluk kepada syarat-syarat permohonan ini.

7. PEMATUHAN PENGANJUR TERHADAP PENGGUNAAN LOGO JLM

- 7.1 Penganjur tidak dibenarkan menuntut sebarang implikasi kos kewangan terhadap JLM bagi pelaksanaan program yang telah diberikan kelulusan penggunaan logo JLM;
- 7.2 Kebenaran penggunaan logo JLM yang diberikan adalah bagi sesuatu tempoh terhad yang dinyatakan secara bertulis dan tiada kelulusan terbuka diberikan;
- 7.3 Penganjur bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang masalah atau kesulitan berbangkit dalam penganjuran program yang telah mendapat kebenaran penggunaan logo JLM. Penggunaan logo ini mestilah tidak menjejaskan imej JLM dan negara;
- 7.4 Pihak JLM tidak akan bertanggungjawab untuk menanggung apa-apa bentuk kerugian, liabiliti, isu dan krisis yang terjadi kepada apa jua jenis program dan perkara-perkara lain yang berkaitan walaupun kebenaran penggunaan logo JLM telah diberikan;
- 7.5 Penganjur akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas liabiliti, tuntutan pihak ketiga, kerosakan harta benda dan kecederaan orang akibat daripada kecuaiannya atau kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan peraturan berkaitan dengan penganjuran program yang telah mendapat kelulusan penggunaan logo JLM;
- 7.6 Penganjur hendaklah memastikan prosedur penganjuran program dan keselamatan dipatuhi sepenuhnya;
- 7.7 Penganjur hendaklah memastikan setiap peserta luar negara memahami, mematuhi dan menghormati adat resam, budaya, seni warisan, undang-undang dan peraturan negara Malaysia;
- 7.8 Ketua Pengarah Laut (KPL) JLM berhak untuk menghalang, menghentikan dan membatalkan kelulusan penggunaan logo JLM mana-mana program sekiranya didapati menyalahi undang-undang yang dianggap bertentangan dan tidak konsisten dengan reputasi, imej dan matlamat penganjuran seperti menimbulkan ancaman, ketegangan, mengganggu ketenteraman awam dan sebagainya;
- 7.9 Kelulusan penggunaan logo JLM hanya diberikan jika bertujuan untuk sebarang program pembangunan sektor logistik dan pengangkutan negara sahaja tanpa melibatkan apa-apa tujuan komersial;

- 7.10 Penganjur adalah tertakluk kepada undang-undang Kerajaan Malaysia dan jika diluar negara, penganjur tertakluk kepada undang-undang dan peraturan negara terbabit.

8. PANDUAN PENGGUNAAN LOGO JLM

- 8.1 Pemohon dikehendaki mematuhi garis panduan penggunaan logo JLM seperti di **Lampiran A**.

9. PENUTUP

- 9.1 Garis panduan ini terpakai kepada semua pihak yang terlibat dalam permohonan penggunaan logo JLM.
- 9.2 Borang dan Senarai Semak Permohonan Penggunaan Logo Jabatan Laut Malaysia (JLM) adalah seperti di **Lampiran B**.
- 9.3 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar secara serahan tangan atau e-mel kepada:

UNIT KORPORAT

IBU PEJABAT, JABATAN LAUT MALAYSIA

Peti Surat 12, Jalan Limbungan,

42007, Pelabuhan Klang, Selangor

Tel. : 03 - 3346 7620 / 7777


E-mel : korporat@marine.gov.my

**PANDUAN PENGGUNAAN LOGO
JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM)**

Nisbah

Lebar:Tinggi = 60:80

*unit mm sekadar
rujukan



**PANDUAN PENGGUNAAN LOGO
JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM)**



LATAR BELAKANG: **GELAP**



LATAR BELAKANG: **CERAH**

BORANG PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO

JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM)

A. MAKLUMAT PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO	
NAMA PROGRAM :	<input style="width: 90%;" type="text"/>
TARIKH DIPERLUKAN :	<input style="width: 40%;" type="text"/> TEMPOH PENGGUNAAN : <input style="width: 40%;" type="text"/>
B. MAKLUMAT PEMOHON	
1. NAMA PEMOHON :	<input style="width: 90%;" type="text"/>
2. JAWATAN :	<input style="width: 40%;" type="text"/> 3. BAHAGIAN / UNIT : <input style="width: 40%;" type="text"/>
4. NO. TELEFON :	<input style="width: 40%;" type="text"/> 5. E-MEL : <input style="width: 40%;" type="text"/>
* Sila lengkapkan borang Senarai Semak Permohonan Penggunaan Logo JLM serta lampirkan salinan dokumen	
TANDATANGAN PEMOHON	TANDATANGAN KETUA BAHAGIAN / UNIT
.....
NAMA :	NAMA & JAWATAN :
TARIKH :	TARIKH :
C. KEGUNAAN UNIT KORPORAT	
i. Permohonan menggunakan logo Jabatan Laut Malaysia (JLM) dengan tujuan di atas adalah DSOKONG / TIDAK DSOKONG	
ii. Sebab tidak diluluskan	
.....	
.....	
TANDATANGAN & COP :	
TARIKH :	
D. SLIP JAWAPAN KELULUSAN (KETUA PENGARAH LAUT)	
NAMA PROGRAM :	<input style="width: 90%;" type="text"/>
TARIKH DIPERLUKAN :	<input style="width: 40%;" type="text"/> TEMPOH PENGGUNAAN : <input style="width: 40%;" type="text"/>
i. Permohonan tuan/puan menggunakan logo Jabatan Laut Malaysia (JLM) dengan tujuan di atas adalah DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN	
ii. Sebab tidak diluluskan	
.....	
.....	
TANDATANGAN & COP :	
TARIKH :	
E. ARAHAN DAN TANGGUNGJAWAB PEMOHON	
i. Permohonan hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya 60 hari sebelum tarikh penggunaan logo	
ii. Sebarang PEMBATALAN / PERUBAHAN hendaklah dimaklumkan SEGERA ke Unit Korporat (UK) JLM tidak lebih dari 3 hari sebelum program berlangsung	
iii. Jawapan kepada permohonan akan dimaklumkan melalui e-mel atau slip jawapan	
iv. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Korporat (UK) JLM di talian 03 – 3346 7766 / 7620 atau e-mel korporat@marine.gov.my	

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO

JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM)

A. MAKLUMAT PERSATUAN / PERTUBUHAN / ENTITI KORPORAT			UNTUK KEGUNAAN JLM
BIL.	KRITERIA	SENARAI SEMAK	SEMAKAN/ULASAN
1.	Latar Belakang * Sila lampirkan salinan dokumen	<input type="checkbox"/> Individu / Orang Perseorangan <input type="checkbox"/> Organisasi Tempatan <ul style="list-style-type: none"> <input type="radio"/> Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) <input type="radio"/> Berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) <input type="checkbox"/> Organisasi Luar Negara <input type="checkbox"/> Butiran maklumat organisasi <ul style="list-style-type: none"> <input type="radio"/> Nama organisasi, alamat pejabat, nombor telefon, nombor faks, laman web rasmi, nama serta jawatan pegawai yang boleh dihubungi dan sebagainya. <input type="checkbox"/> Klasifikasi organisasi <ul style="list-style-type: none"> <input type="radio"/> <i>Profit based entity</i> <input type="radio"/> <i>Not-for-profit based entity</i> <input type="checkbox"/> Butiran operasi organisasi	<input type="checkbox"/>
2.	Posisi Kewangan	<input type="checkbox"/> <i>Authorised capital</i> <input type="checkbox"/> <i>Paid-up capital</i>	<input type="checkbox"/>
3.	Rekod Terdahulu penggunaan Logo JLM * Sila lampirkan salinan dokumen	<input type="checkbox"/> Majlis atau acara <input type="checkbox"/> Konvensyen atau Persidangan <input type="checkbox"/> Pameran <input type="checkbox"/> Lain-lain (sila nyatakan)	<input type="checkbox"/>
4.	Kekerapan	<input type="checkbox"/> Majlis atau acara	<input type="checkbox"/>

		<input type="radio"/> Tahunan <input type="radio"/> Bulanan <input type="radio"/> Satu (1) kali <input type="checkbox"/> Konvensyen atau Persidangan <input type="radio"/> Tahunan <input type="radio"/> Bulanan <input type="radio"/> Satu (1) kali <input type="checkbox"/> Pameran <input type="radio"/> Tahunan <input type="radio"/> Bulanan <input type="radio"/> Satu (1) kali <input type="checkbox"/> Lain-lain (sila nyatakan)	
B. BUTIRAN KETERANGAN PENGGUNAAN LOGO			
5.	Jenis Permohonan	<input type="checkbox"/> Logo Jabatan Laut Malaysia (JLM)	<input type="checkbox"/>
6.	Nama Program / Projek / Acara <small>* Sila lampirkan salinan dokumen sokongan</small>	<input type="checkbox"/> Majlis atau acara <input type="checkbox"/> Konvensyen atau Persidangan <input type="checkbox"/> Pameran <input type="checkbox"/> Lain-lain (sila nyatakan)	<input type="checkbox"/>
7.	Tempoh Penggunaan	<input type="checkbox"/> Satu (1) kali <input type="checkbox"/> Lain-lain (sila nyatakan)	<input type="checkbox"/>
8.	Objektif Program / Projek / Acara	<input type="checkbox"/> Menyokong visi, misi serta objektif JLM <input type="checkbox"/> Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) <input type="checkbox"/> Lain-lain (sila nyatakan)	<input type="checkbox"/>

		
9.	Golongan Sasaran	<input type="checkbox"/> Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) <input type="checkbox"/> Pelabur <input type="checkbox"/> Jabatan dan Agensi Kerajaan <input type="checkbox"/> Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) <input type="checkbox"/> Orang awam <input type="checkbox"/> Lain-lain (sila nyatakan)	<input type="checkbox"/>
10.	Penyertaan (Anggaran)	<input type="checkbox"/> Jumlah peserta antarabangsa <input type="checkbox"/> Jumlah penyertaan domestik	<input type="checkbox"/>